

Berita BANDARAYA

Kuala Lumpur City News



Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my
Bil.8 Ogos 2005/ Rejab 1426H

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

D E W A N B A N D A R A Y A K U A L A L U M P U R



Ambang Merdeka 2005.



Merdeka! Merdeka! Merdeka!...

Laungan keramat ini telah dilaungkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama-sama puluhan ribu rakyat yang meriah pada detik ulang tahun kemerdekaan yang ke-48 di Dataran Merdeka.

Dataran Merdeka 48 tahun yang lalu dikenali sebagai padang Kelab Selangor merupakan tapak sejarah di mana turunnya bendera Union Jack dan tamatnya penjajahan British.

Acara sambutan detik 12 malam telah berihula seawal jam 5 petang lagi dengan Program Santai Merdeka yang menampilkan artis-artis terkenal tanahair seperti Liza Hanim, Dayang Nurfaizah, Jeffrydin dan ramai lagi. Ini diikuti dengan tayangan video dokumentari Merdeka yang memaparkan sekitar sambutan perayaan kemerdekaan pertama pada 31 Ogos 1957. Program diserikan lagi dengan persembahan kesenian rakyat seperti Boria dan Dikir Barat. Program bertambah meriah apabila Konsert Menjelang Merdeka bermula pada jam 8:45 malam. Antara artis yang membuat persembahan ialah Tan Sri S M Salim, Ziana Zain, ND Lala, Orkid Abdullah, Mawi, Erra Fazira dan beberapa artis popular

YAB Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama tetamu kehormat mengibarkan jalur gemilang pada malam Ambang Merdeka 2005-Gambar Berita Bandaraya

Tepat jam 10:30 malam, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di kereta kuda dari bangunan DBKL, Jalan Raja Lau dan tiba di Dataran Merdeka sambil melambaikan tangan ke arah hadirin yang membalaikkan dengan mengibarkan Jalur Gemilang.

Kira-kira jam 11:45 malam anggota rombongan Ekspedisi Jelajah Kemerdekaan 1957 yang bertolak dari kota London pada 14 Julai 2005 yang diketuai oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Zainal Abidin Zin menyerahkan deklarasi kemerdekaan kepada Menteri Penerangan, YB Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, beberapa orang menteri kabinet serta Datuk Bandar Kuala Lumpur dan rakyat pelbagai kaum menyambut detik bersejarah berkenaan dengan penuh semangat sambil diiringi keindahan percikan cahaya bunga api.

Gema laungan merdeka sebanyak tujuh kali oleh Perdana Menteri dengan disambut oleh rakyat yang hadir telah menyemarakkan suasana meriah di Dataran Merdeka. Ini diikuti oleh nyanyian lagu Negaraku, Jalur Gemilang dan Keranamu Malaysia membuktikan semangat cintakan negara terus terserlah di jiwa rakyat pada malam tersebut.

Sambutan detik 12 malam bukan sahaja dihadiri oleh rakyat Malaysia, malah pelancong asing turut memanfaatkan peluang menyaksikan rakyat Malaysia menyambut kemerdekaan dengan penuh bersemangat.

Keranamu Malaysia!



YAB Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak disambut oleh Y. Bhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Dato' Hj. Ruslin b. Hj. Hasan di perkarangan Dataran Merdeka pada malam Ambang Merdeka 2005 - Gambar Berita Bandaraya

Dari Meja Datuk Bandar



Salam Kemerdekaan ke-48

Rakyat Malaysia sekali lagi menyambut Hari Kebangsaan bagi memperingati

ulang tahun kemerdekaan negara yang ke 48. Jalur Gemilang gah berkibar di pelusuk tanah air bagi menyambut ulang tahun kemerdekaan tanah air yang tercinta.

Setelah 48 tahun merdeka, kita seharusnya merasa bertuah kerana dilahirkan sebagai rakyat Malaysia.

Malaysia.....aman, damai dan makmur

Dalam usia menginjak ke 48 Malaysia telah berkembang pesat sebagai sebuah negara yang mampu bersaing dengan negara-negara maju lain.

Sempena Hari Kemerdekaan yang ke 48 ini, saya berharap agar Kuala Lumpur telah bersedia untuk menjadi sebuah pusat ekonomi dan bandar raya terpenting di rantau ini. Pastinya, DBKL akan membantu membangunkan Kuala Lumpur sebagai sebahagian daripada MSC (Multimedia Super Corridor), yang dijangka akan dapat menarik lebih banyak syarikat multinasional dan perusahaan-perusahaan tempatan yang terlibat dengan teknologi maklumat dan komunikasi.

Pengukuhan peranan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat komersial dan kewangan antarabangsa juga diharap dapat meningkatkan lagi tarikannya kepada perniagaan antarabangsa.

Melalui sektor pelancongan, Kuala Lumpur menjadi harapan untuk memainkan peranan yang penting bagi menjana ekonominya. Industri pelancongan ini yang menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan dan kemudahan, bakal menyediakan pekerjaan kepada pelbagai lapisan penduduk dan membantu untuk mempelbagaikan ekonomi Kuala Lumpur. Sebagai pusat membeli-belah, Kuala Lumpur mempunyai peluang untuk menjadi sebuah 'syurga membeli-belah' antarabangsa. Pelancongan berdasarkan perniagaan dan konvensyen akhir-akhir ini telah berkembang dan menjadi satu komponen yang sangat penting bagi industri ini.

Kuala Lumpur dan Konurbasinya (KLK) secara keseluruhan, diharap akan terus menjadi pusat kebudayaan dan hiburan utama dengan adanya restoran, klub malam, teater, dewan konsert dan galeri seni yang terbaik. Untuk merealisasikan Kuala Lumpur sebagai pusat kebudayaan dan hiburan kesetiaan bertaraf antarabangsa, ciri-ciri bandar raya yang pelbagai kaum, agama dan budaya ini sedang dibangunkan sepenuhnya selaras dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Kepada semua warga kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula, saya berharap agar mereka dapat mempertingkatkan lagi kualiti 'delivery system' kepada warga kota. Masih terdapat ruang yang boleh diperbaiki. Amalkan prinsip ketelusan dalam menjalankan tugas bagi memastikan keberkesanannya kualiti kerja yang tepat. Aduan yang diterima mesti dicari jalan penyelesaian dan diatasi dalam masa yang pantas.

Sesungguhnya, perjuangan kita belum selesai....langkah perlu terus diorak....

Pandangan

Berita Bandaraya / KL City News akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: Sidang Redaksi Berita Bandaraya / KL City News Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 29 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut 50350, Kuala Lumpur. e-mel akhbar@dbkl.gov.my Tel: 603-2617 9013 Faks: 603-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyerat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

Sidang Redaksi

Penasihat: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin b. Hj. Hasan Ketua Editor: Tuan Hj. Salleh Yusup Editor: Hanim bt. Hj. Hashim Sub-Editor: Suriyana bt. Ismail Jurufoto: Abd. Rhani b. Md. Shohor

From the Mayor's Desk



Poignant Wishes for the 48th Merdeka Day

Malaysians once again celebrates the National day to commemorate its 48th Independence Day.

The Jalur Gemilang is evidently raised and waved at nooks and corners of the country to celebrate another year of glorious freedom.

After 48 years of Independence, we should feel honored that we were born to be a Malaysian.

Malaysia...peaceful and prosperous

As Malaysia matures in her 48th year, this promised land is now able to compete with other progressive countries. In conjunction with the 48th Merdeka Day, I hope that Kuala Lumpur is now prepared to become the center of economy and the most prominent city in this sphere. CHKL is set in developing Kuala Lumpur as part of the Multimedia Super Corridor (MSC) and with that it is bound to attract many more multinational companies and local manufacturing companies that is involved with technology, information and communication.

With the stability of the role that Kuala Lumpur plays as the hub of commercial and financial center, it is also fervently hoped that it could also play similar roles in attracting international businesses here.

Kuala Lumpur plays an important role in

the tourism sector. The tourism industry also provide multitudes of services and opportunities for employment in various sectors of the public and also assist to create other economical gain for Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur stands a good chance to be an international shopping haven as there are other tourism aspects borne out of business and conventions held of late have bloomed prosperously and turning it as an essential component in this sector of the industry.

Kuala Lumpur as a whole will prosper as a prominent centre of international standard for its portrayal of different cultural and ethnic groups. With other activities pertaining to arts, heritage and other entertainment including its restaurants, night clubs, theatres, concert halls and art galleries, which also plays a major role in the development of Kuala Lumpur. This colourful rainbow city will soon be in lined with the National Cultural Policy.

To all personnel of CHKL, I wish that they can upgrade and improve the quality of their delivery system to the city dwellers as there are still room for improvement. Maintain a dignified principle when conducting your duties to ensure that effectiveness and efficiency are means of achieving a job well done. Whatever complaints or grousing must be attended to and solved in the fastest, yet productive ways possible.

Somewhat our struggles is far from over... we have to continue in our endeavour to proceed further...

EDITORIAL BOARD

Advisor: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin b. Hj. Hasan, **Editor in Chief:** Tuan Hj. Salleh b. Yusup, **Editor:** Hanim bt. Hj. Hashim, **Sub-Editor:** Suriyana bt. Ismail **Photographer:** Abd. Rhani b. Md. Shohor, **Editor's Address:** **Kuala Lumpur City News**, Public Affairs & International Unit, Level 29, City Hall Building, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur. Tel: 603-2617 9013 Fax: 603-2694 1373. e-mail: akhbar@dbkl.gov.my